



## GARIS PANDUAN

### PERTANDINGAN MENCipta LOGO HOSPITAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

#### SYARAT DAN TERMA PERADUAN

- I. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh pelajar dan kakitangan UMS.
- II. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang.
- III. Semua ciptaan mestilah **baru** dan **asli** dan tidak ditiru dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar negara.
- IV. Semua logo yang diterima oleh Urusetia akan menjadi hak milik Hospital Universiti Malaysia Sabah. Melalui penyertaan pertandingan ini, segala hak cipta hasil kerja diberikan kepada Hospital Universiti Malaysia Sabah dan peserta tidak memiliki sebarang hak tuntutan terhadap karya ataupun hasil kerja yang diserahkan kepada Hospital Universiti Malaysia Sabah bagi pertandingan ini. Bagi logo yang terpilih, Hospital Universiti Malaysia Sabah akan berhak ke atas logo tersebut dan akan mempunyai kuasa untuk meminda ataupun mengubahsuai bagi maksud menggunakan ataupun mencetaknya.
- V. Keputusan pengadil adalah muktamad dan hanya seorang (1) pemenang sahaja yang akan dipilih. Pemenang akan menerima hadiah wang tunai RM500.00 dan sijil penghargaan.
- VI. Hospital Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga atas alasan perlanggaran hak cipta. Dalam keadaan sedemikian, Hospital Universiti Malaysia Sabah akan berhak ataupun berkuasa untuk membawa tindakan terhadap peserta yang menghantar penyertaan yang melanggar hak cipta pihak yang lain.
- VII. Semua reka bentuk logo hendaklah sampai ke alamat emel [hums@ums.edu.my](mailto:hums@ums.edu.my) sebelum atau pada **31 Mei 2019**.

#### SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

- I. Reka Bentuk mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen berunsur fitnah, hasutan ataupun yang boleh dianggap sebagai sensitif dan boleh menyinggung perasaan mana-mana pihak.
- II. Setiap penyertaan digalakkan menggunakan grafik komputer dan juga disediakan dalam bentuk softcopy menggunakan format EPS/PDF serta PNG (alpha background). Saiz logo tersebut tidak melebihi 200 mm (tinggi) x 200 mm (lebar) bersamaan 567 pixel x 567 pixel. Saiz file tersebut mesti tidak melebihi 3 MB.
- III. Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan.
- IV. Rekabentuk logo hendaklah menggunakan sekurang-kurangnya dua (2) warna tetapi tidak melebihi empat (4) warna.
- V. Paparan rekabentuk logo hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.
- VI. Rekaan logo mestilah selaras dengan visi dan misi Hospital Universiti Malaysia Sabah.



## CARA MENYERTAI

- I. Peserta perlu melengkapkan borang penyertaan dan rekacipta nama dan logo tersebut dihantar dalam bentuk *softcopy* ke alamat emel [hums@ums.edu.my](mailto:hums@ums.edu.my).
- II. sebarang maklumat lanjut sila berhubung terus dengan En.Mohd Azhar Dris (0102346189)

## INFO BERKENAAN VISI DAN MISI HUMS SERTA

**HOSPITAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (HUMS)**

**VISION**  
To be a leader in advancing healthcare and wellness through empowerment

**MISSION**  
HUMS stands committed to train high quality healthcare providers and increase access to global standard healthcare which is innovative, compassionate, comprehensive and collaborative, connecting and empowering people to stay healthy

**MOTTO**  
Transforming healthcare

**CORE VALUES**  
Innovative, Compassionate, Collaborative, Empowering, Sustainable

**Eco Campus**  
Transforming Ideas into Reality

Transformation towards  
**UNIVERSITY INDUSTRY 4.0**